



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/12/83 (HQ)

### TENAGA NASIONAL BERHAD PERKUKUH NILAI INTEGRITI DENGAN MENERBITKAN BUKU PANDUAN TCIMS

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** telah mendapat pensijilan Sistem Pengurusan Anti-Rasuah ISO 37001, daripada SIRIM November lalu, memperkukuhkan nilai-nilai integritinya melalui penerbitan Buku Panduan TNB Corporate Integrity Management System (TCIMS).

Buku setebal 61 muka surat antara lain merangkumi lima (5) polisi TCIMS iaitu Anti Bribery Policy; Gifts, Hospitality and Related Benefits Policy; Conflicts of Interest Policy; Whistleblowing Policy; dan Integrity Pact and Committee Integrity Pledges Policy .

Buku panduan TCIMS tersebut telah dilancarkan hari ini oleh Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Isnaraissah Munirah Majilis, sempena sambutan Hari Integriti TNB 2018, di Ibu Pejabat TNB, di Bangsar.

Turut hadir, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd; pengurusan tertinggi TNB; Chief Integrity Development Officer TNB, P. Kalivann Palanivelu; pegawai-pegawai kementerian serta warga kerja TNB.

Isnaraissah dalam ucapannya mengucapkan tahniah atas penerimaan pensijilan tersebut terutama kerana TNB antara syarikat berkaitan kerajaan (GLC) terawal mendapat pengiktirafan sebegini.

Katanya, kerajaan amat berbangga dengan inisiatif TNB membangunkan TCIMS untuk memantapkan tahap integriti dan urus tadbir dalam kalangan warga kerjanya serta semua pihak yang berurusan dengan TNB.

Menurut Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie, inisiatif ini sejajar dengan hakikat bahawa TNB sentiasa mengutamakan nilai-nilai murni dan integriti sepanjang hampir 70 tahun melaksanakan amanah dan tanggungjawab nasional kepada rakyat dan negara.

“TNB secara berterusan sentiasa memperkayakan nilai-nilai integritinya agar menjadi antara sumber kekuatan dalam meluaskan perniagaan sehingga merentasi sempadan antarabangsa,” tegas beliau ketika berucap pada majlis sama.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur, pada 20 Disember 2018 jam 9.00 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) atau Fazreen Eksan (019-3160401) e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*